



ANWAR Ibrahim dalam Program Permukiman Anggota Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan 2024 di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya semalam.

# Jemaaah menteri cari ikhtiar lonjak ekonomi

Oleh MOHD. HUSNI  
MOHD. NOOR  
utusannews@mediamulia.com.my

**CYBERJAYA:** Program Permukiman Anggota Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan 2024 selama dua hari bermula semalam akan menumpukan usaha mencari ikhtiar baharu bagi melonjakkan ekonomi negara.

Jabatan Perdana Menteri (JPM) dalam kenyataan semalam berkata, program yang akan berakhir hari ini turut membawa matlamat untuk memantapkan sinergi dan kerjasama antara Jemaah Menteri dan kepimpinan perkhidmatan awam.

Menurutnya, program itu turut memberdaya iltizam dalam

melaksanakan pelan-pelan tindakan bagi merealisasikan aspirasi Ekonomi Madani.

“Program itu turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta 31 Anggota Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan dan 15 orang jemputan khas yang berlangsung di Cyberview Resort & Spa, di sini.

“Program ini dilaksanakan selaras hasrat Perdana Menteri untuk menyampaikan mandat kepada semua anggota Jemaah Menteri dan kepimpinan tertinggi perkhidmatan awam tentang hala tuju dan strategi kerajaan bagi tahun 2024 serta bagi jangka masa sederhana dan panjang.

“Di samping itu, program juga bertujuan mencapai pen-

jajaran matlamat serta mewujudkan rasa kebersamaan dan kesatuan dalam kalangan anggota Jemaah Menteri terhadap pelan tindakan kerajaan yang bersepadu dan tuntas berteraskan konsep *whole of government dan whole of nation*,” katanya.

Program yang berlangsung selama dua hari itu membawa beberapa sesi wacana dan forum yang melibatkan pakar-pakar dari sektor awam, sektor swasta, industri dan organisasi antarabangsa.

Antara perkara yang dibincangkan mencakupi aspek-aspek penting termasuk cabaran dan hala tuju ekonomi; kebajikan dan keselamatan sosial; pembangunan infrastruktur dan kemampuan; tadbir urus,

inovasi dan komunikasi ke arah kemakmuran negara.

Terdahulu, Anwar yang juga Menteri Kewangan tiba pukul 2.42 petang disambut Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Turut hadir kedua-dua Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof.

Difahamkan, sesi permukiman semalam bermula pukul 3 petang.

Sebelum ini, Anwar memaklumkan, permukiman itu juga akan meneliti pelaksanaan dasar-dasar yang telah dilancarkan kerajaan sepanjang tahun lepas.